

|             |                                            |            |           |
|-------------|--------------------------------------------|------------|-----------|
| Headline    | TNB Pulau Pinang rancang bina 48 pencawang |            |           |
| MediaTitle  | Berita Harian                              |            |           |
| Date        | 29 Jan 2014                                | Language   | Malay     |
| Circulation | 138,805                                    | Readership | 1,048,000 |
| Section     | Nasional                                   | Page No    | 23        |
| ArticleSize | 196 cm <sup>2</sup>                        | Journalist | N/A       |
| PR Value    | RM 19,907                                  |            |           |
|             |                                            |            |           |



# TNB Pulau Pinang rancang bina 48 pencawang

**Balik Pulau:** Tenaga Nasional Bhd (TNB) merancang membina 48 Pencawang Pembahagi Utama (PPU) di Pulau Pinang sehingga 2030.

Dengan kos sebanyak RM816 juta, pembinaan PPU itu bertujuan menampung peningkatan pengguna tenaga elektrik sebanyak dua peratus setiap tahun di negeri ini.

Pengurus Besar Kanan (Operasi Wilayah Dua) Bahagian Pembahagian TNB, Abdul Aziz Abdul Majid, berkata pihaknya sentiasa memantau untuk memastikan tenaga elektrik yang dibekalkan dapat menampung keperluan kira-kira 591,000 pengguna di sini.

Katanya, dalam tempoh lima tahun lalu, TNB sudah membelanjakan sekitar RM160 juta untuk melaksanakan 10 projek PPU di negeri ini.

“Setakat ini, jumlah pencawang di seluruh negeri sebanyak 70 buah dan beberapa lokasi baru

dikenal pasti untuk pembinaan PPU baru.

## Bekalan elektrik lebih mencukupi

“Penambahan PPU ini untuk memastikan bekalan elektrik

akan lebih daripada mencukupi seiring dengan pembangunan yang semakin rancak,” katanya pada sidang media selepas merasmikan PPU di Teluk Kumbar, di sini, semalam.

Sementara itu, Abdul Aziz berkata, pembinaan PPU di Teluk Kumbar yang bermula pada pertengahan Oktober 2010 mula digunakan bulan lalu.

Beliau berkata, PPU Teluk Kumbar yang mencecah kos RM17.3 juta itu mampu menampung permintaan bekalan elektrik lebih 10,000 pengguna di kawasan sekitar.

“PPU dengan kapasiti bekalan sebanyak 27 megawatt ini meliputi kawasan Teluk Kumbar, Gertak Sanggul, Batu Maung dan sebahagian kecil kawasan Balik Pulau,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, TNB menysar pengurangan Indeks Purata Tempoh Gangguan (SAIDI) 65 minit pada tahun ini berbanding 73 minit, tahun lalu.

“SAIDI adalah jumlah tempoh gangguan yang dialami pengguna apabila berlaku gangguan elektrik dan TNB berusaha memastikan kadar waktu gangguan itu dapat diminimumkan untuk kepuasan pengguna,” katanya.

|             |                                            |            |           |
|-------------|--------------------------------------------|------------|-----------|
| Headline    | TNB Pulau Pinang rancang bina 48 pencawang |            |           |
| MediaTitle  | Berita Harian                              |            |           |
| Date        | 29 Jan 2014                                | Language   | Malay     |
| Circulation | 138,805                                    | Readership | 1,048,000 |
| Section     | Nasional                                   | Page No    | 23        |
| ArticleSize | 196 cm <sup>2</sup>                        | Journalist | N/A       |
| PR Value    | RM 19,907                                  |            |           |
|             |                                            |            |           |



Abdul Aziz (dua dari kiri) ditemani Pengurus Besar (Bahagian Pembahagian) TNB Pulau Pinang, Datuk Mohd Zahir Md Nagor (kanan) **merasmikan PPU** TNB Teluk Kumbar, Bayan Lepas, semalam. [FOTO DANIEL SAAD/BH]